ACCIN Malaysia



# MAT 17
# LAPORAN TAHUNAN 2024

ALLIED COORDINATING COUNCIL OF ISLAMIC NGOs MALAYSIA

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-16

ALLIED COORDINATING COUNCIL OF ISLAMIC NGOs MALAYSIA (ACCIN)
**********************************************

Agenda Mesyuarat Agung Tahunan ACCIN 2024 adalah seperti berikut:-

- Ucapan Perasmian
- Melantik Dua Orang Pencatat Minit Mesyuarat
- Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke-16 / 2024
- Perkara Berbangkit
- Membentang Dan Membincang Laporan Tahunan 2024
- Membentang dan mengesahkan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
- Sambungan Pelantikan Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat dan Juruaudit
- Membentang Usul-usulUcapan Penangguhan

**SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ACCIN KALI KE-16**

Tarikh: Sabtu, 24 Mei 2024 Masa: 12.30 tgh - 2.30 ptg
Tempat: Bilik Seminar 2, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpui

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | **ABIM** | 1 | Ahmad Fahmi bin Mohd Samsudin (Presiden) |
| | | 2 | Mohamad Haeqal bin Ishak (Exco Da'wah & Tarbiyah) |
| | | 3 | Dr Syd Hussain Abdeen (IOAC) |
| 2 | **AL-HIDAYAH** | 4 | Mohd Iyas Zainal Ravi Abdullah (Naib Pengerusi) |
| | | 5 | Nur Habeebah Abdullah (Setiausaha) |
| | | 6 | Mhd. Syafiq Rahman (AJK) |
| 3 | **AL-HUNAFA** | | *Tiada wakil yang hadir* |
| 4 | **DARUL FITRAH** | 7 | Noorshin Ng (Presiden) |
| | | 8 | Kamil Idris (AJK) |
| 5 | **DARUSSYIFA'** | | *Tiada wakil yang hadir* |
| 6 | **GEPIMA** | | *Tiada wakil yang hadir* |
| 7 | **IIS** | | *Tiada wakil yang hadir* |
| 8 | **IKRAM** | 9 | Dr. Syazalie Hirman Ahmad Najib (AJK) |
| 9 | **IMAN** | 10 | Dato Sri Prof Dr Zaleha Kamaruddin (Presiden) |
| 10 | **IPSI** | | *Tiada wakil yang hadir* |
| 11 | **ISMA** | 11 | Muhammad Aizat bin Rasli (Timbalan Presiden) |
| 12 | **JAM'IYAH** | | *Tiada wakil yang hadir* |
| 13 | **MACMA** | 12 | Dato' Dr Hj. Mustapha Ma - *online* |
| | | 13 | Datin Norhana Ng - *online* |
| | | 14 | Nurul Nadhirah Liew binti Abdullah - *online* |
| 14 | **PERKIM** | | Dato' Dr Hj. Mustapha Ma - *online* |
| 15 | **PIM** | 15 | Hj. Ir. Mohd. Jamaludin Samsudin (Presiden) |
| | | 16 | Pn Rafidah Harun Mahmud Hashim (AJK) |
| | | 17 | Danial Hassan (Bendahari) |
| | | 18 | Adam Shah Abdul Rahim (Setiausaha) |
| 16 | **PPMM** | | *Tiada wakil yang hadir* |
| 17 | **PUM** | 19 | Prof Madya Dr Saupi Man |
| 18 | **RICOI** | 20 | Dr. Che Amir Farid bin Che Isahak (Naib Presiden) |
| **Jumlah Kehadiran NGO: 11/20** | | | **Jumlah Kehadiran: 20 orang** |

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-16**
**ALLIED COORDINATING COUNCIL OF ISLAMIC NGOs MALAYSIA (ACCIN)**

Tarikh: Sabtu, 24 Mei 2024
Tempat: Bilik Seminar 2, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur        Masa: 12.30 tgh - 2.30 ptg

**AGENDA MESYUARAT:**

1. Ucapan Perasmian oleh Pengerusi ACCIN
2. Melantik Dua Orang Pencatat Minit Mesyuarat
3. Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke-15 / 2023
4. Perkara Berbangkit
5. Membentang Dan Membincang Laporan Tahunan 2023
6. Membentang dan mengesahkan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
7. Pelantikan Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat dan Juruaudit
8. Membentang Usul-usul
9. Ucapan Penangguhan

| PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|
| **1.Ucapan Perasmian**<br><br>Pengerusi ACCIN, Dr. Che Amir Farid bin Che Isahak telah mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) kali ke-16. Beliau yang merupakan antara pengasas ACCIN memohon maaf kerana tidak dapat menghadiri mesyuarat agung pada tahun lepas walaupun dilantik sebagai Pengerusi. Mengimbas kembali sejarah penubuhan ACCIN pada tahun 2001, beliau menceritakan bagaimana berlaku pertembungan di kalangan NGO2 yang berdakwah kepada orang Asli di perkampungan orang Asli yang sama sedangkan pada masa itu juga berbangkit isu orang Asli yang keluar daripada Islam. Sepatutnya jika kita betul-betul ikhlas, kita berlapang dada dalam soal tersebut asalkan Islam yang menang pada akhirnya. Dengan sistem pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) untuk menguruskan perjalanan aktivit-aktiviti ACCIN, keadaan lebih teratur dan efektif berbanding sebelumnya di mana program-program diuruskan oleh Pengerusi yang bergilir setiap dua tahun. Beliau seterusnya mengingatkan supaya kita tidak cuba bertanding dengan NGO2 atau Gabungan2 lain, sebaliknya kita hendaklah bekerjasama untuk kepentingan Islam dan keredhaan Allah. | |
| **2. Pelantikan 2 Orang Pencatat Minit Mesyuarat**<br><br>Mesyuarat bersetuju sebulat suara melantik Puan Nur Habeebah Abdullah daripada Al-Hidayah dan En. Mohamad Haeqal bin Ishak (dicadangkan oleh Adam Shah A Rahim dan disokong oleh Prof. Dr. Zaleha) sebagai pencatat minit mesyuarat. | |

| | |
|---|---|
| **3. Pembentangan dan Pengesahan Minit Mesyuarat Agung ke-15 (2023)**<br><br>3.1 Hj. Adam Shah Abdul Rahim selaku Setiausaha Kehormat telah membentangkan minit Mesyuarat Agung ke-15 (2023) kepada sidang mesyuarat.<br><br>3.2 Minit mesyuarat telah disahkan:<br>• Pencadang: En. Muhammad Aizat bin Rasli (ISMA)<br>• Penyokong: Pn. Noorshin Ng (Darul Fitrah) | |
| **4. Perkara Berbangkit**<br><br>4.1 Tiada perkara yang berbangkit. | |
| **5. Pembentangan dan Perbincangan Laporan Aktiviti Tahunan 2023**<br><br>5.1 Tn Hj Mohd Jamaludin Shamsudin telah membentangkan laporan aktiviti tahunan ACCIN sepanjang tahun 2023.<br><br>5.2 Di antara penerangan yang telah diberikan mengenai program-program dan aktiviti-aktiviti ACCIN adalah seperti berikut (rujuk laporan terperinci dalam Laporan Tahunan 2023):<br><br>5.2.1 Kunjung hormat ke pejabat Menteri Perpaduan, Understanding Other Faiths (UoF), Pembangunan Insan Penduduk Kampung Orang Asli, International Interfaith Peace Conference (IIPC), The Threat of Contemporary Western Ideologies dan Seminar Nafkah Keluarga yang telah dirasmikan oleh Menteri Agama.<br><br>5.2.2 Beliau menyatakan masyarakat Muslim kurang fokus kepada kepimpinan Islam seperti Khalifah Umar Abdul Aziz, dll, dan lebih banyak memberikan tumpuan kepada kepimpinan Barat.<br><br>5.2.3 Beliau menceritakan pengalaman menghadiri persidangan di Doha International Center for Interfaith Dialogue (DICID) di Doha, Qatar di mana terdapat banyak peruntukan untuk usaha2 di kalangan agama samawi atau ‘Abrahamic religions’. Beliau cuba untuk mendapatkan sokongan mereka untuk usaha yang sama terhadap agama Hindu-Buddha dan mewujudkan cawangan di Malaysia.<br><br>5.2.4 ACCIN juga berusaha supaya NGO2 dianggap sebagai sebahagian daripada usaha membina negara berserta dengan kerajaan dan bukan sekadar ‘fringe players’. Dengan itu, kerajaan perlu memberikan sokongan yang sewajarnya, terutama dari segi kewangan.<br><br>5.2.5 Beliau membangkitkan isu birokrasi berkaitan tauliah sehingga menyukarkan Imam besar Palestin @ bekas Mufti Palestin untuk berucap di masjid2.<br><br>5.2.6 ACCIN sedang dalam proses menyiapkan Booklet Aktiviti ACCIN untuk mempromosi ACCIN. | |

| | |
|---|---|
| **6. Pembentangan dan Penerimaan Penyata Kewangan Untuk Tahun Berakhir Disember 2023**<br><br>6.1 Laporan kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dibentangkan oleh Bendahari, Pn Rafidah.<br><br>6.2 Pn Rafidah menerangkan bahawa MAIWP kini mengenakan syarat-syarat yang ketat bagi pembiayaan dan laporan program-program. Kos operasi tidak dipertimbangkan.<br><br>6.3.Tiada perkara berbangkit daripada laporan kewangan yang dibentangkan.<br><br>6.4 Laporan kewangan telah disahkan:<br>• Pencadang: En. Ahmad Fahmi bin Mohd Samsudin (ABIM)<br>• Penyokong: En. Mohd Iyas Zainal Ravi Abdullah (Al-Hidayah) | |
| **7. Pelantikan Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat dan Juruaudit**<br><br>Mesyuarat bersetuju sebulat suara dengan pelantikan-pelantikan berikut:<br><br>7.1 En. Mohamad Haeqal bin Ishak (ABIM) dilantik sebagai Setiausaha Kehormat.<br>a. Pencadang: En. Danial Hassan (PIM)<br>b. Penyokong: Prof Madya Dr Saupi Man (PUM)<br><br>7.2 En. Ahmad Firdaus bin Mohd Nor (IKRAM) dilantik sebagai Bendahari Kehormat.<br>a. Pencadang: En. Danial Hassan (PIM)<br>b. Penyokong: Prof Madya Dr Saupi Man (PUM)<br><br>7.3 Pn. Nur Afifa Adziah Gey Binti Abdullah dikekalkan sebagai Juruadit Dalaman.<br>a. Pencadang: En. Danial Hassan (PIM)<br>b. Penyokong: Prof Madya Dr Saupi Man (PUM) | |
| **8. Pembentangan Usul-Usul**<br><br>Tn Hj Jamaludin membentangkan usul tergempar mendesak KWSP menghentikan segala kolaborasi dengan syarikat pengurusan aset antarabangsa Blackrock yang dikaitkan dengan Israel. Salinan lembut (softcopy) usul akan diedarkan untuk persetujuan semua. Usul tersebut telah dipersetujui sebulat suara. | |

| 9. Ucapan Penangguhan<br><br>Pengerusi ACCIN, Dr. Amir dalam ucapan penangguhan beliau mengingatkan para hadirin bahawa kita adalah sebahagian daripada umat Islam seluruh dunia – kita tidak boleh menumpukan perhatian dan usaha kita kepada urusan tempatan semata-mata. Kita perlu memainkan peranan untuk membantu umat Islam yang tertindas di seluruh dunia menurut kemampuan kita. Beliau juga berharap lebih ramai wakil2 NGO2 gabungan ACCIN akan menyertai mesyuarat bulanan. Beliau mencadangkan ACCIN menganjurkan program 'retreat' untuk merapatkan hubungan di kalangan ahli2 gabungan dan menjalin kerjasama yang erat.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2:30 petang dengan bacaan tasbih kaffarah dan Surah Al-Asr. | |
|---|---|

…………………………………………
Disemak oleh:
Adam Shah bin Abdul Rahim
Setiausaha Kehormat ACCIN

…………………………………………
Disahkan oleh:
Dr. Che Amir Farid bin Che Isahak
Pengerusi ACCIN

# LAPORAN TAHUNAN
# ALLIED COORDINATING COUNCIL OF ISLAMIC NGOs MALAYSIA
# (ACCIN)
# SESI 2024

*****************************************************************

Laporan aktiviti sepanjang tahun 2024 merangkumi perkara-perkara berikut:

- **Keahlian**
- **Pejabat Urusan Sekretariat ACCIN**
- **Mesyuarat Majlis ACCIN**
- **Aktiviti-aktiviti dan program-program ACCIN bagi tahun 2024**

## KEAHLIAN

Keahlian ACCIN berjumlah 18 anggota ahli gabungan NGO-NGO Islam yang berdaftar. Senarai 18 ahli gabungan adalah seperti berikut:

Research and Information Centre On Islam (RICOI)
Persatuan Darul Fitrah Malaysia (DARUL FITRAH)
Persatuan Al-Hunafa' (AL-HUNAFA)
Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)
Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
Persekutuan Seruan Islam Selangor & W.P (JAM'IYAH)
Islamic Information & Services Foundation (IIS)
Persatuan Dakwah Islamiah & Kebajikan Saudara Baru India Se-Malaysia (AL-HIDAYAH)
Persatuan Ulama' Malaysia (PUM)
Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)
World Assembly of Muslim Youth (WAMY)
Persatuan Kebajikan & Pengubatan Islam Malaysia (DARUSSYIFA)
Interactive Muslimah Association (IMAN)
Pertubuhan IQRA' Malaysia (PIM)
Islamic Propagation Society International (IPSI)
Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM)

## PEJABAT URUSAN SEKRETARIAT ACCIN

Alamat pejabat sekretariat ACCIN:
Tingkat 16, BANGUNAN PERKIM,
150, JALAN SULTAN AZLAN SHAH,
51200 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-40512482
HP Admin : 016-6524722
Email : sekretariataccin@gmail.com

Alamat surat menyurat untuk MAIS:
No.8 Jln PJU 8/6, Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor.

Maklumat Akaun Bank ACCIN:
Bank Islam Malaysia Berhad No. Akaun : 14-014-01-013868-5 (umum)
Bank Islam Malaysia Berhad No. Akaun : 14-014-01-015677-3 (infaq)

## MESYUARAT MAJLIS ACCIN

Mesyuarat Majlis ACCIN telah diadakan sebanyak 6 kali dan lazimnya berlangsung pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan bermula jam 10 pagi. Rekod pelaksanaan mesyuarat majlis ACCIN dan kehadiran bagi tahun 2024 adalah seperti berikut.

| | | Bilangan & Tarikh Mesyuarat | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | |
| Bil. | Pertubuhan | 14/01 | 23/03 | 12/05 | 21/07 | 07/09 | 11/10 | |
| 1 | ABIM | | | | | | | 5/6 |
| 2 | Al-Hidayah | | | | | | | 4/6 |
| 3 | Al-Hunafa | | | | | | | 0/6 |
| 4 | Darul Fitrah | | | | | | | 6/6 |
| 5 | Darussyifa' | | | | | | | 1/6 |
| 6 | IKRAM | | | | | | | 3/6 |
| 7 | IMAN | | | | | | | 6/6 |
| 8 | IPSI | | | | | | | 0/6 |
| 9 | ISMA | | | | | | | 3/6 |
| 10 | MACMA | | | | | | | 6/6 |
| 11 | PERKIM | | | | | | | 6/6 |
| 12 | PIM | | | | | | | 6/6 |
| 13 | PPMM | | | | | | | 0/6 |
| 14 | PUM | | | | | | | 1/6 |
| 17 | RICOI | | | | | | | 5/6 |
| Jumlah Kehadiran NGO | | 9 | 9 | 8 | 9 | 7 | 9 | |
| Jumlah Kehadiran Orang | | 13 | 12 | 12 | 12 | 11 | 14 | |

IIS, JAM'IYAH, WAMY tidak aktif sejak tahun 2022

# PROGRAM-PROGRAM ACCIN BAGI TAHUN 2024


| TARIKH | PROGRAM | M/S |
|---|---|---|
| 13 Jan | Global Day of Action:  Ceasefire Now Stop the War on Gaza | 14 |
| 23 Jan | Isu Syariah & Perundangan Radio IKIM.FM | 15 |
| 30 Jan | Sidang Pakar Kepimpinan Belia Siri Ke 4 : Menggilap Kepimpinan Belia melalui Kesukarelawanan | 16 |
| 4 Feb | Kashmir Solidarity Day 2024 | 17 |
| 23 Feb | My Journey to Islam: Chinese New Year Celebration in Hong Kong Bro Kasim Ma Fung Wai and Sister Aminah Li | 18 |
| 23 Feb | Christianity in Palestine: Past, Present & Future | 19 |
| 23 Feb | The Role of Christian Zionism In Perpetuation of the State of Israel: Strategy to Untangle | 19 |
| 2-3 Mac | Seminar Perlindungan Muallaf Melalui Pendekatan Perundangan | 20 |
| 23 Mac | Bengkel Dakwah dan Sumbangan Ramadhan kepada Mualaf | 21 |
| 19 Apr | My Journey to Islam :  Abu Bakar Kugaselva bin Abdullah | 22 |
| 17 Mei | My Journey to Islam : Dr Fatmir Shehu, IIUM Lecturer from Albania. Islam in Albania | 23 |
| 25 Mei | Seminar: Kepimpinan Umar Abdul Aziz - Kecemerlangan sepanjang zaman: Teladan kepada kerajaan Madani | 24 |
| 9 Jun | Sambutan Minggu Perpaduan 2024 | 25 |
| 21 Jun | My Journey to Islam : Dr. Jayasuman Puspanathan | 26 |

ACCIN Malaysia

# PROGRAM-PROGRAM ACCIN BAGI TAHUN 2024


| TARIKH | PROGRAM | M/S |
|---|---|---|
| 14 Julai | Capacity Building Series: Public Speaking 2.0 & Media Liaison 2.0 | 27 |
| 19 Julai | My Journey to Islam : Ridzuan Ong | 28 |
| 28 Julai | ACCIN Centre of Excellence (ACE) : Dr Syd Hussain Abdeen<br>Tafseer & Seerah | 29 |
| 31 Julai | Live of Sunni Muslims in Iran by Seyed Jamaluddin Miri - Chairman of ISIP - Intl Students of Islamic Psychology - Malmo, Sweden | 30 |
| 31 Julai | Perspektif Remaja mengenai isu-isu semasa<br>REFLEKSI REMAJA : E- SUKAN SEBAGAI KERJAYA | 31 |
| 3 Ogos | Seminar: "Religious Tolerance in the Era of Malaysia Madani | 32 |
| 4 Ogos | ACCIN Centre of Excellence (ACE): En Wan Ahmad Fuad Wan Ahmad Kamil<br>Pengenalan & Prinsip Kesihatan dalam Islam.  Kesihatan dari Segi Islam | 33 |
| 4 Ogos | Kashmir Solidarity : Pakistani Embassy | 34 |
| 5 Ogos | Sudan: The Forgotten War : IAIS Conference Hall | 34 |
| 6-7 Ogos | Regional SEA Human Dignity Conference : IKIM, in collaboration with Brigham Young University | 34 |
| 10 Ogos | FORUM: Legacy of Malcolm X: A Journey of Empowerment & Equality | 35 |
| 11 Ogos | ACCIN Centre of Excellence (ACE): Ustaz Dr Zainal Abidin Kusmin<br>Perubatan Islam - Konsep Penyakit , Kesembuhan Punca Dari Perspektif Pengubatan Islam | 36 |
| 17 Ogos | Workshop : Understanding different groups in Buddhism - Mahayana vs Theravada | 37 |

## PROGRAM-PROGRAM ACCIN BAGI TAHUN 2024


| TARIKH | PROGRAM | M/S |
|---|---|---|
| 29 Ogos | Perspektif Remaja : Radio Jawi Labuan<br>ADAKAH MEDIA SOSIAL RAKAN ATAU LAWAN? | 38 |
| 4 Sept | Perspektif Remaja : Radio Jawi KL<br>PENTINGNYA BATASAN DALAM HUBUNGAN | 39 |
| 6 Sept | My Journey to Islam : Tomos Arthur Lloyd-Evans, Islamic Caller & Historian<br>Discover Islam Society Bahrain | 40 |
| 20 Sept | My Journey To Islam : Muhammad Muiz Yahya bin Abdullah Yeo | 41 |
| 21 Sept | Seminar Ekstremisme & Islamofobia<br>Kongres HAK Asasi Kemanusiaan dan Merungkai Islamofobia | 42 |
| 22 Sept | ACCIN Centre of Excellence (ACE) : Dr Shahid Mohd Nor<br>Islamic worldview about individual economics | 43 |
| 29 Sept | ACCIN Centre of Excellence (ACE) : Dr Syd Hussain<br>Tafsir - i). Parables of Goody Trees and Evil Trees (14:24-26)<br>Sirah - ii) The prophet's mission and his journey to Taif | 44 |
| 6 Okt | ACCIN Centre of Excellence (ACE) : Ustaz Dr Zainal Abidin Kusmin<br>Perubatan Islam dan memahami jenayah sihir | 45 |
| 9 Okt | Perspektif Remaja : Radio Jawi KL - KERJA VS BELAJAR | 46 |
| 10 Okt | Perspektif Remaja : Radio Jawi Labuan - DI MANA HILANGNYA ADAB PELAJAR? | 47 |
| 13 Okt | ACCIN Centre of Excellence (ACE) : Dr Syazalie Hirman<br>Mukjizat Saintifik dalam Al-Quran dan As Sunnah | 49 |
| 19 Okt | Memperingati Kashmir Black Day | 50 |
| 20 Okt | ACCIN Centre of Excellence (ACE) : Dr Sayyid Hussain Abdeen<br>Sirah: (b) the Prophet's invitation to selected Leaders and their refusal to accept Islam (Al-Quran 18:6) | 51 |

# PROGRAM-PROGRAM ACCIN BAGI TAHUN 2024



| TARIKH | PROGRAM | M/S |
|---|---|---|
| 25 Okt | My Journey To Islam : Dato' Hj Kamarudin Abdullah | 51 |
| 27 Okt | Program Pembangunan Insan Penduduk Kg Orang Asli Bukit Bandaraya | 52 |
| 5 Nov | Persidangan UoF - Seminar Ancaman Kontemporari Barat | 53 |
| 8 Nov | Perspektif Remaja - Radio Jawi KL<br>OBESEI MEDIA SOSIAL DI USIA MUDA | 54 |
| 10 Nov | ACCIN Centre of Excellence (ACE) : Ustaz Dr. Zainal Abidin Kusmin<br>Bahaya Sihir Dari Sudut Pengubatan Islam & Undang Undang | 55 |
| 24 Nov | ACCIN Centre of Excellence (ACE) : Ustaz Dr Saupi Man<br>Taddabur Ayat-ayat Ibadah | 56 |
| 30 Nov | IIPC 2024 - Essentiality of Interaction & Dialogue for a Truly Harmonious Society | 57 |
| 1 Dis | KL CONFERENCE - Reassing Human Security in Central abd South Asia: Way Forward? | 59 |
| 6 Dis | My Journey To Islam<br>Ustaz Syazwan Menon | 61 |
| 8 Dis | ACCIN Centre of Excellence  Dr. Syazalie Hirman<br>Mukjizat Saintifik dalam Al-Quran dan As Sunnah | 62 |
| 11 Dis | Radio JAWI KL - Temubual Bersama CEO ACCIN | 63 |
| 12 Dis | Perspektif Remaja - Radio JAWI Labuan : BULI SIBER | 64 |
| 15 Dis | Globalisation and Religion - What is the Role of Interfaith Harmony | 65 |
| 20 Dis | My Journey To Islam : Pn Nurul Nadhirah Liew Abdullah | 66 |

**13 JANUARI 2024**
**Global Day of Action**
**Ceasefire Now Stop the War on Gaza**




Perang genosid Israel ke atas Gaza kini telah mengorbankan lebih 20,000 rakyat Palestin dengan beribu-ribu lagi masih hilang dan dianggap telah terbunuh di bawah runtuhan rumah mereka sendiri. Ini juga telah mengakibatkan 1.7 juta rakyat Palestin kehilangan tempat tinggal dan menghadapi masaalah kebuluran. Mereka terpaksa berlindung di mana saja dan ini pula mengancam nyawa mereka dari segi kesihatan, angkara wabak penyakit.



Masyarakat antarabangsa telah gagal bertindak untuk menuntut supaya Israel menghentikan serangannya dan mengenakan gencatan senjata untuk menamatkan pembunuhan ribuan mangsa, demi memastikan bantuan kemanusiaan segera dapat dihulurkan kepada penduduk Gaza.



Di seluruh dunia, pertubuhan-pertubuhan solidariti serta jutaan rakyat berprihatin telah ke jalanan, menuntut gencatan senjata segera . Kita kini harus memperhebatkan desakan ini dengan menyelaraskan nya secara global.




Sempena Hari Bertindak Global untuk Gaza pada 13 Januari 2024, dengan menyokong gesaan daripada masyarakat sivil Palestin untuk bersatu mendesak gencatan senjata kekal, demi menghentikan Genosid di Gaza, serta menamatkan kolonialisme dan pengakhiran dasar apartheid Israel.
.

**23 JANUARI 2024**
**Isu Syariah & Perundangan Radio IKIM.FM**































Siri Perkongsian ilmu dengan IKIMfm bersama YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin (Ahli Majlis Penasihat Wanita, OIC) dalam membincangkan mengenai isu-isu Syariah dan Perundangan dari 23 Januari 2024 - 24 Disember 2024

**30 JANUARI 2024**
**Sidang Pakar Kepimpinan Belia Siri Ke 4 : Menggilap Kepimpinan Belia melalui Kesukarelawanan**




Sidang Pakar Kepimpinan Belia Siri ke 4 kembali lagi dengan topik Menggilap Kepimpinan Belia melalui Kesukarelawanan. Akan megenengahkan panel-panel hebat iaitu Dato' Ahmad Azam Abdul Rahman, Presiden WADAH & Pesuruhjaya OIC-IPHRC dan IR. Mohd Jamaludin Mohamed Samsudin, CEO ACCIN & AJK Harmoni Kebangsaan. Siri ini akan diterajui oleh Dato Sri Dr. Zaleha Kamaruddin, Profesor Adjung IPSAS, UPM.

Ia akan diadakan pada 30 Januari 2024 (Selasa) jam 9.00 pagi - 12.00 tengah hari bertempat di IPSAS UPM.

**4 FEBRUARI 2024**
**Kashmir Solidarity Day 2024**




Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), dengan kerjasama International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, menganjurkan program "Kashmir Solidarity Day 2024 pada 4hb Februari 2024.

Hj Ir Mohd Jamaludin Shamsudin, CEO ACCIN, dijemput sebagai ahli panel untuk mengupas isu-isu terkini tentang penindasan Kashmir oleh kerajaan India.



**23 FEBRUARI 2025**
**My Journey to Islam**
**Chinese New Year Celebration in Hong Kong**
**Bro Kasim Ma Fung Wai and Sister Aminah Li**




Bro. Kasim Ma merupakan Pengerusi Organisasi Dakwah sementara Sis. Aminah Li adalah seorang pegawai di Islamic Union of Hong Kong di Masjid Ammar di Hong Kong. Sis Aminah berlatarbelakangkan agama Buddha dan telah memeluk agama Islam melalui usaha dakwah Bro. Kasim. Mereka berkongsi pengalaman tentang cabaran berdakwah dan juga sambutan Ramadhan di Hong Kong di mana umat Islam adalah minoriti.

https://www.facebook.com/share/v/1PwppFgX75/?mibextid=oFDknk
[+] https://youtu.be/I3kK3YbzPfY?si=QdUcW0iknlWShWy2

**23 FEBRUARI 2024**
**"Christianity in Palestine: Past, Present & Future""**




Tempat: Postgraduate Conference Room, H12 Building, Faculty of Business & Economics, University of Malaya

Dr Alex Awad, seorang Pastor yang berasal dari Palestin, mengkongsikan dan mengupas tentang perspektif penganut beragama Kristian tentang perjuangan pembebasan Palestin.

**23 FEBRUARI 2024**
**The Role of Christian Zionism**
**In Perpetuation of the State of Israel: Strategy to Untangle**

SPECIAL INTERVIEW WITH REVEREND DR ALEX AWAD | THE INTRICACIES OF CHRISTIAN ZIONISM IN ISRAEL'S CEASELESS AGGRESSION TOWARDS PALESTINIANS

Reverend Dr. Alex Awad is the Dean of Students and full-time instructor at Bethlehem Bible College in Bethlehem, a Charter member of BBC Board of Director Commissioned Mission Partner with the General Board of Global Ministries of the United Methodist Church and Pastor at East Jerusalem Baptist Church.

In this interview, we'll delve into the intricate role of Christian Zionism in Israel's continuous aggression towards Palestinians. We'll discuss its motivations and its impact on international relations. Dr. Alex Awad will also provide insight into the experiences of Christian Palestinians and how they are affected by the violence perpetrated by Israel. Lastly, we'll examine how this situation affects the credibility of the United States in this issue.





**2-3 MAC 2024**

**Seminar Perlindungan Muallaf Melalui Pendekatan Perundangan**




Seminar Perlindungan Mualaf Melalui Pendekatan Perundangan pada 2 dan 3 Mac 2024 bertempat di Stay With Bintang Hotel, Bukit bintang, Kuala Lumpur.

Seminar yang mengangkat perbincangan bekenaan isu-isu berhubungan dengan mualaf ini amat menarik dan wajar diketengahkan bagi memahami cabaran dan mencari jalan penyelesaian apa yang dihadapi oleh golongan mualaf.

Beberapa isu dan input telah di berikan oleh pakar-pakar seperti Profesor Datuk Dr Zaleha Kamaruddin (Presiden IMAN / Pakar Perundangan), Tuan Hj Mohammed Saifudin Mohamed Ari (Peguam) dan Tuan Hj Musa Awang (Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia).

Seminar ini dianjurkan oleh ACCIN dengan kerjasama Al-Hidayah.









[+] https://youtu.be/lyGPinjJtS4?si=bM-pejCketzngfpT

## 23 MAC 2024
## Bengkel Dakwah dan Sumbangan Ramadhan kepada Mualaf













Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN) dengan kerjasama Masjid Al-Ghufran telah menganjurkan Bengkel Dakwah dan Penyerahan Sumbangan Ramadan Kepada Asnaf dan Muallaf pada 23hb Mac, pukul 5:00 petang di Dewan Konferens, Tingkat 2 Masjid Al-Ghufran.

Semasa Bengkel Dakwah, Dr Amir Farid, Pengerusi ACCIN, membentangkan topik pertama 'Risalah Islam Sebagai Rahmatan Lil Alameen'. Ini diikuti dengan 'Tuntutan Setiap Individu Muslim' oleh Pendakwah Bebas, Ustaz Muhammad Fitri Abdullah. 15 minit terakhir adalah sesi soal jawab.

Selepas Bengkel Dakwah selesai pada pukul 6:15 petang, sesi Perasmian dimulakan oleh Timbalan Pengerusi MAG, Tn Hj. Kholid Wajadwani bin Mohamadan dan Ketua Pegawai Eksekutif ACCIN, Ir Hj Mohd Jamaludin Shamsudin. Penyampaian sumbangan kepada 60 orang golongan mualaf dan asnaf bermula pada 6:30 petang.

Semua peserta dijemput untuk turun ke Kafe Ghufran pada pukul 7:00 petang untuk persediaan Majlis Iftar dan solat Maghrib.





**19 APRIL 2024**
**My Journey to Islam**
**Abu Bakar Kugaselva bin Abdullah**




Beliau merupakan seorang peguam syariah di Pulau Pinang. Beliau telah memeluk agama Islam pada tahun 2003. Pengalaman pertama beliau tentang Islam adalah melalui pelajaran sejarah Islam semasa Tingkatan 6. Beliau bersyukur kerana tidak menghadapi tentangan yang kuat daripada pihak keluarga apabila beliau memeluk Islam. Beliau menceritakan pengalaman beliau mendapat soalan mengenai keadilan dalam Islam, terutamanya mengenai hukum faraid. Beliau berkata kita sebagai pendakwah perlu berhemah dalam menyampaikan mesej Islam dan memberikan ruang untuk para mualaf berubah secara berperingkat.

https://www.facebook.com/share/v/19tcmvz3t8/?mibextid=oFDknk
[+] https://youtu.be/avIwiFEeOSg?si=N8uCar1ClgBNnXZY

**17 MEI 2024**
**My Journey to Islam**
**Dr Fatmir Shehu, IIUM Lecturer from Albania.**
**Islam in Albania**




Beliau adalah seorang pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan berasal daripada Albania. Beliau menceritakan bagaimana umat Islam (dan juga Kristian) dihalang oleh kerajaan komunis Albania daripada mengamalkan Islam selama lebih kurang 50 tahun selepas kejatuhan khilafah Uthmaniah. Beliau menceritakan pengalaman kembali kepada Islam selepas kejatuhan komunisme dan kebebasan untuk mengamalkan Islam diberikan semula oleh kerajaan Albania selepas tahun 1990.

https://www.facebook.com/share/v/18aUusgM3f/?mibextid=oFDknk
[+] https://youtu.be/2wE9AcMS77Y?si=OzBQGWZ6Ig5v1iKQ

**25 MEI 2024**
**Seminar: Kepimpinan Umar Abdul Aziz - Kecemerlangan sepanjang zaman: Teladan kepada kerajaan Madani**

Di antara objektif adalah:
Menyediakan peserta dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang konteks sejarah semasa pemerintahan Umar II.
Ambil pengajaran kepimpinan daripada dasar dan gaya tadbir urus Umar II.
Bincangkan bagaimana prinsip kepemimpinan Umar II boleh digunakan dalam cabaran kepimpinan kontemporari kerajaan madani.




Kehadiran fisikal 60 orang peserta dari pelajar universiti dan ahli gabungan ACCIN dan juga live streaming melalui facebook ACCIN dengan tontonan lebih 100 orang.



[+] https://youtu.be/t6hmbe0Vs0Y?si=_GlZDb1J1Av2uSMO

**MAT 16 ACCIN**

Mesyuarat Agung Tahunan ACCIN yang ke 16 telah dilangsungkan selepas seminar pagi.



**9 Jun 2024**
**Sambutan Minggu Perpaduan 2024**




Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat WPKL ini merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara dalam memupuk semangat perpaduan dalam jiwa masyarakat Malaysia

CEO ACCIN menjadi pemudah cara – moderator Bicara Perpaduan sempena minggu perpaduan peringkat Wilayah Persekutuan.

Warisan dan budaya membantu perkukuhkan kesatuan serta perpaduan dikalangan masyarakat pelbagai kaum dan anutan kepercayaan.

Asas platform perpadian adalah berdasarkan kepada kaum tunjang negara iaitu Melayu dan bumiputra dan Islam sebagai agama persekutuan. Kepelbagaian diraikan. Unity in Diversity.









**21 JUN 2024**
**My Journey to Islam**
**Dr. Jayasuman Puspanathan**




Beliau merupakan pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah memeluk Islam 13 tahun lalu. Beliau berketurunan campuran China dan India ('Chindian'). Beliau telah mempersoalkan mengenai tujuan hidup dan pelbagai kepercayaan yang wujud di peringkat awal hidup beliau dan ini membawa beliau untuk bertanya tentang Islam. Beliau menceritakan tentang persepsi orang bukan Islam dan juga orang Islam tentang Islam dan implikasi serta cabaran2 mualaf apabila memeluk Islam.

https://www.facebook.com/share/v/1BJPsoie38/?mibextid=oFDknk
[+] https://youtu.be/ACX6qRsxg7Q?si=T68LsSoS6k500uTi

**14 JULAI 2024**

**Capacity Building Series: Public Speaking 2.0 & Media Liaison 2.0**

Bengkel ini akan membantu dalam menimba ilmu dalam cara mengendalikan pihak media dan mencipta perhatian media untuk organisasi.

Sebelum ini, banyak usaha dan program yang baik oleh NGO tidak mendapat liputan kerana pihak media tidak di santuni dan selok belok orang media tidak berapa di fahami. Oleh yang demikian, usaha mempelajari cara berhadapan dengan media dan menstrukturkan program supaya mendapat perhatian media adalah amat tepat sekali.




Kehadiran 60 orang peserta dari pelajar KDH dan ahli gabungan ACCIN serta rakaman untuk tontonan lebih 100 orang di facebook ACCIN.




[+] https://youtu.be/i06zIop9_HU?si=sa607QKjyFfHBaN5

[+] https://youtu.be/jx13Lnnk7wc?si=scxhfRhR8-Mth82K

[+] https://youtu.be/Hu-MP9rJc8M?si=BzaWCz6QhwKD2iuA

[+] https://youtu.be/JlivHhNVWt0?si=6nqkEtfRY_nIYI9T

[+] https://youtu.be/Qk-poNMRWs4?si=CrT7TzppaFO7-NWj

**19 JULAI 2024**
**My Journey to Islam**
**Ridzuan Ong**




Beliau telah memeluk Islam pada tahun 2019. Beliau berpendidikan sekolah Cina di peringkat sekolah rendah dan menengah dan bekerja sebagai jurujual selepas itu. Beliau pada mulanya adalah seorang agnostik dan tujuan asal beliau memeluk Islam adalah untuk berkahwin dengan wanita Islam. Beliau hanya mendalami Islam selepas mengucapkan dua kalimah syahadah. Seterusnya beliau menceritakan pengalaman beliau berkecimpung dalam bidang dakwah.

https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=1277895093172529&id=100064619504629&mibextid=Nif5oz
[+] https://youtu.be/1gBqspFzoeU?si=GalgYlDprzw8qYBW

**28 JULAI 2024**
**ACCIN Centre of Excellence (ACE)**
**Dr Syd Hussain Abdeen**
**Tafseer & Seerah**




Tafseer & Parables of Al-Quran Classes on: Test & Tribulations to the believers & patience to be successful in both worlds (67:2, 2:155, 2:214,29:2 &3, 97:5&6 & 39:10)

Overview of the verses mentioned : -

1. Surah Al-Mulk (67:2):
"He who created death and life to test you [as to] which of you is best in deed—and He is the Exalted in Might, the Forgiving."

Tafseer & Lessons:
Allah informs us that life and death are part of a divine test. The trials of life are meant to evaluate our sincerity and righteousness in actions. Success is not merely surviving these tests but excelling in good deeds while remaining mindful of Allah.

https://www.facebook.com/share/v/18no32BjeT/
[+] https://youtu.be/u5yXvwF3T2E?si=PheMxw3y6k9Ik0x2

**31 JULAI 2024**
**Live of Sunni Muslims in Iran by Seyed Jamaluddin Miri - Chairman of ISIP - Intl Students of Islamic Psychology - Malmo, Sweden**

Walaupun Muslim Sunni di Iran membentuk minoriti 30%, mereka umumnya wujud bersama dengan majoriti Syiah. Kerajaan Iran secara rasmi mengiktiraf kepelbagaian agama, tetapi kebimbangan mengenai perwakilan politik dan akses kepada sumber di wilayah majoriti Sunni masih berterusan. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa pengalaman Muslim Sunni di Iran boleh berbeza-beza, dan keadaan keseluruhan mungkin dipengaruhi oleh dinamik serantau dan tadbir urus tempatan.







[+] https://youtu.be/sl9uNXrwcgE?si=tRKFOJyOSPY-bfpF

**31 JULAI 2024**
**Perspektif Remaja mengenai isu-isu semasa**
**REFLEKSI REMAJA : E- SUKAN SEBAGAI KERJAYA**




E-sukan atau sukan elektronik semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat moden hari ini. Bidang ini bukan sahaja menarik minat pemain video permainan, tetapi juga menjadi satu kerjaya yang menjanjikan pulangan lumayan. Dalam perbincangan ini, kita akan melihat potensi e-sukan sebagai kerjaya, cabaran yang dihadapi, serta langkah untuk mencapai kejayaan dalam bidang ini.

Siri ini membawa kepada perbincangan mengenai E-sukan sebagai satu kerjaya.E-sukan (e-sports) telah berkembang dengan pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, menjadikannya satu kerjaya yang semakin popular, terutamanya dalam kalangan golongan muda.

**Pelbagai Kerjaya Berkaitan**
Selain menjadi pemain, e-sukan membuka peluang dalam bidang seperti pengurusan pasukan, pembangunan permainan, penganjuran kejohanan, pemasaran, dan analisis data permainan.

**Pembangunan Kemahiran**
E-sukan melatih kemahiran seperti kerja berpasukan, pemikiran kritis, pengurusan tekanan, dan strategi, yang berguna bukan sahaja dalam permainan tetapi juga dalam kehidupan sebenar.

E-sukan menawarkan peluang untuk mencapai pengiktirafan di peringkat global, serta potensi pendapatan yang tinggi.

Kerjaya dalam e-sukan membantu golongan muda mengembangkan kemahiran seperti strategi, kerjasama berpasukan, dan pengurusan masa.

https://www.facebook.com/share/p/15eRerx3pf/
[+] https://youtu.be/ps5gY3dff28?si=ZOOpkFxaq7qRHHFM

**3 OGOS 2024**
**Seminar: "Religious Tolerance in the Era of Malaysia Madani"**

Di antara objektif program ini adalah:

- Memahami perbezaan agama iaitu mendorong pemahaman mendalam tentang ajaran, keyakinan, dan praktik-praktik agama yang berbeza.
- Menghormati keragaman dengan memupuk sikap hormat-menghormati dan menghargai keragaman agama dan keyakinan dalam masyarakat Malaysia.
- Mengurangi prasangka dan stereotip di kalangan penganut pelbagai agama di Malaysia melalui dialog dan interaksi positif.

Kehadiran fizikal 100 orang dari pelbagai agama dan ahli gabungan ACCIN dan juga live streaming melalui facebook ACCIN dengan tontonan lebih 500 orang






**4 OGOS 2024**
**ACCIN Centre of Excellence (ACE)**
**En Wan Ahmad Fuad Wan Ahmad Kamil**
**Pengenalan & Prinsip Kesihatan dalam Islam.**
**Kesihatan dari Segi Islam**




Kesihatan dalam Islam merangkumi aspek fizikal, mental, spiritual, dan sosial. Islam menekankan kepentingan menjaga kesihatan kerana tubuh badan adalah amanah daripada Allah SWT yang perlu dipelihara. Prinsip-prinsip kesihatan dalam Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah memberi panduan menyeluruh untuk menjalani kehidupan yang sihat.

Topik-topik yang diterangkan adalah:
